

NOTIS SEBUT HARGA

Suruhanjaya Tenaga berhasrat mempelawa syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar di Malaysia bagi menyertai Sebut Harga seperti berikut:

TAJUK DAN NO. SEBUT HARGA	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH PEMBELIAN & EDARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	HARGA DOKUMEN SEBUT HARGA	TARIKH/MASA TUTUP SEBUT HARGA DAN LOKASI SERAHAN DOKUMEN
<p>PERKHIDMATAN KATERER DALAMAN UNTUK IBU PEJABAT SURUHANJAYA TENAGA BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN</p> <p>No. Sebut Harga: ST/PRL/S/17/2025</p>	<p>Tarikh: 3 September 2025 (Rabu)</p> <p>Masa: 10.00 pagi</p> <p>Tempat: Suruhanjaya Tenaga No 12, Jalan Tun Hussein, Presint 2 62100 Putrajaya (Lobi ST)</p> <p>Taklimat dan Lawatan Tapak adalah WAJIB</p> <p>Nota: Syarikat yang berminat untuk menghadiri taklimat sebut harga, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil yang menghadiri melalui e-mel seperti yang dinyatakan di bawah.</p>	<p>28 Ogos 2025 (Khamis)</p> <p>hingga</p> <p>17 September 2025 (Rabu)</p> <p>Dalam waktu pejabat 8.30 pagi hingga 5.00 petang.</p>	<p>1. Harga dokumen sebut harga RM100.00 senaskah.</p>	<p>18 September 2025 (Khamis)</p> <p>sebelum</p> <p>12.00 tengahari</p> <p>di</p> <p>Suruhanjaya Tenaga Tingkat 6, No 12, Jalan Tun Hussein Presint 2, 62100 Putrajaya</p>

Kriteria Mandatori Syarikat

- Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan telah beroperasi sekurang-kurangnya 2 tahun;
- Syarikat mempunyai baki purata sebanyak RM20,000.00 dalam penyata bank tiga (3) bulan terkini dalam akaun semasa atau simpanan tetap (perniagaan);
- Syarikat berpengalaman melaksana sekurang-kurangnya dua (2) perkhidmatan katerer dari tahun 2020 hingga kini;
- Wakil syarikat WAJIB hadir untuk taklimat dan lawatan tapak bangunan.

- Syarat-syarat, arahan serta maklumat lanjut berkenaan pelawaan ini diperincikan dalam Dokumen Sebut Harga yang boleh diperolehi daripada Unit Perolehan melalui e-mel, bermula pada **28 Ogos 2025 hingga 17 September 2025**, dari jam **8.30 pagi hingga 5.00 petang**.
- Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini hendaklah mengemukakan permohonan pembelian Dokumen Sebut Harga melalui e-mel dengan menyertakan dokumen sokongan berikut;
 - Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
 - Salinan bukti resit bayaran

Unit Perolehan akan memberikan butiran bayaran melalui e-mel kepada syarikat selepas semakan permohonan disahkan.
- Segala kos yang berkaitan dengan penyertaan dalam tawaran sebut harga ini adalah di bawah tanggungjawab syarikat pemohon. Bayaran bagi Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat secara dalam talian sahaja, dan resit pembayaran perlu dikemukakan melalui e-mel. Dokumen Sebut Harga akan dihantar dalam format PDF melalui e-mel setelah pengesahan bayaran diterima daripada Bahagian Kewangan, Suruhanjaya Tenaga (ST).
- Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**
 - Afiq Anol di talian 03-88708659 / afiq@st.gov.my
 - Nabeela Mohamad Pesal di talian 03-88708733 / nabeela@st.gov.my